



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

SELASA / 19 DISEMBER 2023

- 1. MADA SUDAH TUAI PADI – HARIAN METRO**
- 2. GANGGUAN BERAS MASIH BERLAKU – KOSMO**
- 3. TUAIAN PADI HUJUNG TAHUN REDAKAN ISU KEKURANGAN BEKALAN BERAS – BERITA HARIAN**
- 4. ISU BEKALAN BERAS TEMPATAN MAKIN REDA – SINAR HARIAN**

DISEDIAKAN OLEH:

CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT (MADA)

KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO
TARIKH : 19 DISEMBER 2023
PERKARA : ISU SEMASA

Oleh Mahani Ishak
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Mada sudah tuai padi

Isu kekurangan beras putih tempatan makin reda: Mohamad

Isu kekurangan beras putih tempatan (BPT) ketika ini semakin reda melalui hasil tuai padi hujung tahun oleh Lembaga Kerajaan Pertanian Muda (Mada).

Bagaimanapun, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu menegaskan, penyelesaian masalah itu sedang giat dilakukan bagi memastikan bekalan mencukupi untuk pasaran tempatan.

"Isu ini reda, cuma sekarang punca beras kita tidak mencukupi kerana tahap sara diri (SSL) negara baru 65 peratus dan masih 35 peratus lagi belum mencukupi.

"Difahamkan, Mada baru saja tuai padi, proses seterusnya menjemur, mengilang sebelum beras tersedia di dalam pasaran," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Lawatan Kerja ke Kebun Komuniti AU2 Taman Kelepasan, di sini.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sebelum ini mendapati, kekurangan BPT dalam pasaran berpunca daripada pembelian panik dicetuskan sebuah video yang menyebarkan berita palsu bekalan beras jenis itu bakal kehabisan.

Selain itu, kementerian juga menggesa trend pengguna yang terpaksa beralih daripada membeli beras putih import (BPI) kepada BPT, ekoran berlaku kenali harga mendadak disebabkan tindakan India menghentikan eksport bahan mentah itu.

Situasi itu mendorong pengguna 'menyerbu' pasar raya mahupun kedai runcit untuk membeli BPT lebih banyak daripada biasa.

Mohamad berkata, isu sekuriti makanan tidak akan berkesudahan termasuk isu ayam, telur dan mungkin selepas ini, mungkin berlaku isu kekurangan bawang.

"Masalah membabitkan makanan ini tidak akan berkesudahan.

"Misalnya, BPT sekarang ini menjadi rebutan kerana beras import mengalami kenaikan harga," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau menggalakkan persatuan penduduk memohon Dana Komuniti Madani berjumlah RM1 bilion yang diperuntukkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.



MOHAMAD melakukan simbolik menuai padi pada Majlis Tuai Padi Bersama Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan Lawatan Kerja sempena Program Lestari Alam Sekitar di Kelab Kebun Rumah Pangsa AU2, Taman Keramat, semalam.

KERATAN AKHBAR

: KOSMO

TARIKH

: 19 DISEMBER 2023

PERKARA

: ISU SEMASA

Masalah bekalan makin berkurangan di seluruh negara

Gangguan beras masih berlaku

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR — Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu mengakui masih terdapat gangguan dalam bekalan beras tempatan.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan permasalahan itu sudah semakin berkurangan dan pihaknya sedang berusaha memastikan bekalan beras tempatan mencukupi.

"Masih ada (gangguan), tetapi reda sekarang tapi masih (ada) lagi... Kita sedang usaha cukupkan, yang tuai baru ini masih dalam proses pengilangan. Jadi sekarang baru reda."

"Reda (isu) beras, ayam, telur, (nanti) masalah bawang pula. Beras kita hanya 65 peratus, kita tidak cukup. 35 peratus maka sensitasi ada perkara-perkara itu."

"Beras tempatan jadi rebutan sebab harga beras import mahal."



MASALAH bekalan beras tempatan masih berlaku tetapi sudah semakin berkurangan. — GAMBAR HIASAN

katanya ketika ditemui pembe-
rita selepas melawat Projek Ke-
buniti oleh Kelab Kebun Rumah
Pangsa AU2 di Taman Keramat
dekat sini semalam.

Beliau berkata demikian apa-
bia ditanya pemberita mengenai
dakwaan berlaku gangguan beka-
lan beras tempatan di pasaran
ketika ini.

Sebelum ini media melapor-
kan, bekalan beras putih tem-
patan kurang di pasaran ekoran
ramai pengguna beras import be-
ralih untuk menggunakan bahan
makanan itu disebabkan pena-
hingga global.

Masalah yang berlarutan sejak
September lalu itu mengakibat-
kan sebahagian peniaga terpaksa
menaikkan harga dan mencat-
ualan hingga menjasakan beka-
lan isi rumah.

Untuk rekod, Malaysia me-
merlukan 2.68 juta tan beras se-
tahun di mana 1.11 juta tan adalah
beras import.

KERATAN AKHBAR : BERITA HARIAN
TARIKH : 19 DISEMBER 2023
PERKARA : ISU SEMASA

Tuaian padi hujung tahun redakan isu kekurangan bekalan beras

Kuala Lumpur: Tuaian padi hujung tahun oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sudah meredakan bekalan beras putih tempatan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata beras tempatan semakin mendapat permintaan penduduk negara ini berikutan kenaikan harga beras import hingga timbul pembelian panik baru-baru ini.

Katanya, penyelesaian itu kekurangan beras tempatan sedang dilakukan bagi memastikan bekalan mencukupi untuk sepanjang masa.

"Isu ini reda, cuma sekarang punca beras kita tidak mencukupi kerana tahap sara diri negara baru 65 peratus dan masih 35 peratus lagi belum mencukupi.

"Difahamkan MADA baru tuai padi. Proses seterusnya menjemur, mengilang sebelum beras tersedia di pasaran," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Lawatan Kerja ke Kebun Komuniti AU2 Taman Keramat di sini, semalam.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menganjurkan tren pengguna beralih daripada membeli beras impor kepada beras tempatan disebabkan India menghentikan eksport.

Mohamad berkata, isu keterjaminan makanan tidak akan berkesudahan termasuk bekalan ayam, telur dan mungkin selepas ini mungkin berlaku kekurangan bawang.

"Masalah membabitkan makanan ini tidak akan berkesudahan dan bekalan beras masih ada gangguan," katanya.

Dalam perkembangan berikutnya, beliau menggalakkan peruntuan penduduk memohon Dana Komuniti MADANI berjumlah RM1 bilion di bawah Jabatan Perdana Menteri.

"Kerajaan sudah sediakan peruntukan itu. Jadi, kena mohon awal kerana ia boleh dimanfaatkan mulai bulan depan.

"Ia bergantung kepada kawasan Parlimen. Kalau Parlimen tidak mohon seperti Parlimen Bukit Bintang tidak ada kawasan lapang, mungkin peruntukan itu boleh dimanfaatkan Parlimen lain," katanya.

Pada 25 November lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan peruntukan RM1 bilion merancangkan lagi ekonomi di peringkat desa.

Ditanya mengenai peruntukan di bawah kementeriannya, beliau menjelaskan, kementerian itu mempunyai peruntukan di bawah program keterjaminan makanan sebanyak RM400 juta.

KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 19 DISEMBER 2023
PERKARA : ISU SEMASA

Isu bekalan beras tempatan makin reda

Tuaian padi sedia ada sedang dalam proses pengilangan dan tanam semula

Oleh NORAFIZA JAAFAR
KUALA LUMPUR

Isu beras tempatan semakin reda melalui langkah yang diambil kerajaan bagi membolehkan bekalan itu cukup.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, tuaian padi sedia ada sedang dalam proses pengilangan disusuli penanaman semula.

"Isu bekalan masih ada tapi semakin reda. Cuma sekarang punca beras kita tidak mencukupi kerana tahap sara diri (SSL) negara baru 65 peratus dan masih 35 peratus lagi belum mencukupi.

"Difahamkan MADA (Lem-



Beras tempatan menjadi rebutan disebabkan beras import mahal.

bagai Kemajuan Pertanian Muda) baru saja tuai padi, proses seterusnya menjemur, mengilang sebelum beras tersedia di pasaran," katanya pada Isnin.

Dalam pada itu, beliau berkenan, isu bekalan makanan sentiasa ada seperti 'yaumulkiamah' yang tiada berkesudahan.

"Beras tempatan jadi rebutan disebabkan beras import mahal.

"Reda beras, ayam, telur, timbul masalah bawang pula. Masalah makanan ini yaumulkiamah.. pasti akan ada," katanya.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPBM) sebelum ini mendapat kekuatan beras putih tempatan (BPT) dalam pasaran negara berpunca daripada pembelian panik dalam kalangan pengguna.

Ia juga disebabkan trend pengguna yang terpaksa beralih daripada membeli beras putih import (BPI) kepada BPT akibat kenaikan harga mendadak disebabkan tindakan India menghentikan eksport bahan mentah itu.